

Program 'Healthy Lifestyle Day 2012' kutip dana kanser

KUALA LUMPUR: Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CARE), Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menganjurkan program 'Healthy Lifestyle Day 2012' bagi mengutip dana untuk penyakit kanser pada 21 April ini.

Pengarah CARE, Prof Dr Mazanah Muhammad, berkata sumba-

ngan menerusi jualan meja makan malam amal itu masih dibuka kepada organisasi atau individu yang berminat.

"Pada program itu, sebuah pusat rujukan akan diwujudkan bagi memudahkan masyarakat mendapatkan maklumat berkaitan jenis penyakit, cara rawatan dan perubatan.

"Peserta juga berpeluang menyertai perbincangan kumpulan rakan sebaya mengenai pengetahuan mengenai penyakit kanser," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Mazanah berkata, program bermula dari jam 7 pagi hingga 10 malam itu turut menganjurkan se-

naman QiGong pada sebelah pagi dalam usaha memperkenalkan keunikan senaman yang boleh menghindari penyakit kronik seperti kanser.

"Selain itu, terdapat tiga lagi aktiviti utama yang akan dijalankan sepanjang Health Lifestyle Day 2012 iaitu saringan kesihatan, pameran

poster dan aktiviti kesedaran," katanya.

Sehubungan itu, tempahan jualan meja makan malam boleh dibuat dengan menghubungi talian 1-800-22-2233 atau 03-89472706 atau lawati laman web www.cancereducation.org.my dan www.care.upm.edu.my.